

TPM: Permit *The Sun* tidak ditarik balik

UM 30 DEC 2001

KUALA LUMPUR 29 Dis. — Kerajaan tidak bercadang menarik balik permit penerbitan akhbar *The Sun* ekoran laporannya yang mendakwa terdapat percubaan membunuh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan keluarganya serta keluarga mereka.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, akhbar berkenaan sudah memohon maaf kepada Perdana Menteri dan beliau berpuas hati dengan permohonan maaf itu.

“Saya tidak fikir begitu (menarik permit),” katanya kepada pemberita pada majlis Hari Raya bersama wartawan, persatuan penunggang motosikal berkuasa tinggi dan anak-anak yatim anjuran Persatuan Wartawan Melayu Malaysia (PWM) dan Kelab Motosikal dan Rekreasi Kuala Lumpur (KMRC) di sini, hari ini.

Beliau ditanya sama ada kerajaan akan menarik permit akhbar terbitan Sun Media Corporation Sdn. Bhd. berikutan laporan tersebut.

Bagaimanapun akhbar berkenaan dalam laporan muka depannya pada 27 Disember lepas, dua hari selepas penyiaran berita tersebut memohon maaf secara terbuka kepada kedua-dua pemimpin terbabit setelah mendapati dakwaan laporan itu tidak berasas.

Abdullah berkata, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Aseh Che Mat telah diarah mengendalikannya kes tersebut.

Katanya, beliau tidak memberi apa-apa arahan khas kepada pegawainya berhubung siasatan itu, sebaliknya ia dibuat bagi mengetahui dari mana akhbar berkenaan mendapat sumber maklumat mengenainya dan mengapa ia dilaporkan di muka depan.

Beliau percaya siasatan tersebut tidak mengambil masa yang lama jika akhbar terbabit memberi kerjasama.